

03 NOV 2001

Mahathir-Fadzil

FADZIL NOOR PATUT TERUS SOKONG SUHAKAM, KATA MAHATHIR

PUTRAJAYA, 3 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Presiden PAS Datuk Fadzil Noor patut meneruskan sokongan beliau terhadap Tan Sri Musa Hitam dalam apa keadaan pun.

Dr Mahathir berkata, Fadzil menyokong Musa bila pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia itu mengeluarkan kenyataan yang memihak kepada partinya.

"Dulu dia sokong bila Musa Hitam memihak kepada dia, ...kita sokong kita sokong selalulah," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Fadzil yang mempersoalkan pendirian Musa yang meminta semua pihak di negara ini memberi kepercayaan kepada kerajaan dalam menangani isu keganasan walaupun tindakan yang diambil dilihat membelakangkan prinsip hak asasi manusia dan demokrasi.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas majlis Hari Keluarga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Taman Wetland di sini.

Fadzil dilaporkan dalam sebuah akhbar hari ini sebagai berkata Musa masih tidak dapat membebaskan diri daripada kedudukannya dahulu sebagai pemimpin nombor dua dalam Umno dan kerajaan.

Dr Mahathir berkata Musa juga adalah rakyat Malaysia dan beliau tidak boleh memisahkan dirinya sebagai seorang rakyat dalam memberikan pandangannya.

"Sebagai rakyat Malaysia saya fikir semua orang termasuk Fadzil Noor patut berasa bertanggungjawab.

"Dalam keadaan cemas macam ini dia patut beri sokongan kepada kerajaan, tak usahlah bercakap tentang negara Islam yang dia tak boleh nak jelaskan tentangnya," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, tidak salah bagi Suhakam untuk mempunyai pendirian yang sama dengan kerajaan kerana bukan semua perkara yang dibuat oleh kerajaan tidak betul.

Perkara yang betul patut disokong dan perkara yang tidak betul tidak perlu disokong, tambahnya.

-- BERNAMA

AFY ZS PR